

JAWAPAN

Pentaksiran Akhir Tahun Ekstra

Pentaksiran Akhir Tahun Ekstra

Kertas 1

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. A | 2. C | 3. A | 4. C | 5. A |
| 6. A | 7. C | 8. B | 9. A | 10. D |
| 11. A | 12. A | 13. A | 14. B | 15. C |
| 16. A | 17. D | 18. A | 19. A | 20. B |
| 21. D | 22. D | 23. A | 24. B | 25. C |
| 26. B | 27. C | 28. B | 29. D | 30. C |
| 31. C | 32. D | 33. C | 34. B | 35. D |
| 36. D | 37. B | 38. C | 39. B | 40. D |

Kertas 2

Bahagian A

1. (a) Sistem Pembesar Empat Lipatan bermaksud pada setiap peringkat pentadbiran, terdapat pembesar yang dilantik bagi membantu melicinkan pentadbiran. Sultan akan dibantu oleh Pembesar Berempat, iaitu Bendahara, Temenggung, Laksamana dan Penghulu Bendahari. Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah wilayah, sungai dan pulau kepada Pembesar Berempat.
(b) Pembesar dilantik oleh Sultan Melaka dan Pembesar Berempat. Pembesar akan menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung. Tugas pembesar ialah menjaga dan mengekalkan keamanan. Mereka juga dibenarkan mengutip cukai.
(c) Bendahara menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera. Bendahara akan menasihati sultan dalam pelbagai hal dan menjadi pemangku sultan.
(d) Menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi. Memudahkan campur tangan kuasa asing dan negara akan dijajah oleh kuasa luar.
2. (a) Tujuan gerakan nasionalisme di Thailand adalah untuk mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan.
(b) (i) Raja Mongkut
(ii) Raja Chulalongkorn
(c) (i) Membawa masuk 80 orang penasihat Barat.
(ii) Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain.
(iii) Penasihat kastam dari Amerika Syarikat.
(iv) Penasihat ketenteraan dari Perancis.
(d) Menyertai kem jati diri. Menjadi ahli Kelab Sejarah. Mengamalkan nilai perpaduan. Tidak bersikap perkauman. Berkawan tanpa mengira agama dan bangsa.
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)
3. (a) British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 disebabkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. Menerima cadangan daripada Raja-raja Melayu dan UMNO serta mendapat sokongan pentadbir dan pegawai tinggi British.
(b) (i) Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Bidang kuasa mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian. Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-raja.

- (ii) Majlis Raja-raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tersebut. Bagi peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.
- (c) Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu. Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu. Membuka jalan ke arah kerjasama kaum melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

3. (a) (i) Wakil Raja-raja Melayu
(ii) Wakil Parti Perikatan
(b) Membincangkan hal keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan soal berkaitan dengan penggubalan perlembagaan negara yang akan merdeka.
(c) Perbincangan dihasilkan dalam satu laporan setebal 20 halaman. Berjaya mendapatkan persetujuan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. Kedua-dua pihak bersetuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan bagi merangka perlembagaan negara.
(d) Mengelakkan pertumpahan darah, kecederaan dan kematian. Proses kemerdekaan lebih terancang. Memelihara perpaduan rakyat berbilang kaum. Mengekalkan hubungan baik dan kerjasama dengan British. Tiada kerosakan harta benda. Menjamin ketenteraman awam. Negara akan dihormati dan menjadi contoh kepada negara lain.
(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Bahagian B

5. (a) F1 Eksploitasi sumber bahan mentah.
H1a Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah untuk keperluan perindustrian dan operasi ketenteraan Jepun.
H1b Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.
H1c Sasaran utama Jepun di Sarawak ialah sumber minyak terutama di Miri dan Lutong.
H1d Rancangan Jepun untuk menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur.
F2 Kepentingan strategik ketenteraan.
H2a Kedudukan negara kita sesuai untuk kepentingan strategik ketenteraan Jepun.
H2b Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura.
H2c Penguasaan terhadap Singapura penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.
H2d Penguasaan terhadap Pulau Borneo penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.
- (b) F1 Peringkat awal, Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran.
H1a Membentuk Kawasan Pertahanan Khas.

- H1b Diletakkan di bawah pasukan tentera Jepun ke-25 yang berpusat di Singapura.
- F2 Pada April 1944, pentadbiran Tanah Melayu dan Sumatera diasingkan.
- H2a Disebabkan wujud perbezaan sistem politik dan ekonomi semasa pentadbiran British dan Belanda sebelum perang.
- H2b Sumatera diletakkan di bawah pentadbiran tentera Jepun ke-25 berpusat di Bukit Tinggi, Sumatera.
- H2c Tanah Melayu ditadbir oleh pasukan tentera Jepun ke-29 berpusat di Taiping, Perak.
- F3 Singapura dikenali sebagai *Syonan-to* (Pulau Cahaya Selatan).
- H3a Diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu.
- H3b Dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru).
- F4 Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand.
- F5 Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan menjadi satu unit pentadbiran.
- H5a Dikenali sebagai *Kita Boruneo*.
- H5b Diketuai oleh Gabenor Jeneral.
- H5c Ditadbir oleh pasukan tentera Jepun ke-37 berpusat di Kuching.
- (c) F1 Menguasai ilmu pengetahuan.
- F2 Menguasai kemahiran terkini.
- F3 Mengukuhkan perpaduan.
- F4 Mengelakkan perbalahan.
- F5 Bekerjasama memajukan negara.
- F6 Mengukuhkan semangat cinta akan negara.
- F7 Mengamalkan ajaran agama dan nilai murni.
- F8 Memelihara jati diri dan warisan bangsa.
- F9 Tidak memburuk-burukkan pemerintah dan negara.
- F10 Menjunjung perlembagaan negara dan mengamalkan Rukun Negara.
- (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)
6. (a) F1 Masalah pewarisan takhta.
- H1a Vyner Brooke tidak ada anak lelaki untuk menggantikannya sebagai raja.
- H1b Beliau semakin tua dan uzur namun, beliau enggan melantik anak saudaranya, Anthony Brooke untuk menggantikannya.
- F2 Desakan Kerajaan British.
- H2a Pada 19 Jun 1944, Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk penguasaannya di Sarawak.
- H2b Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahan, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu.
- H2c Pada 28 Februari 1945, Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak kepada British.
- F3 Masalah kewangan.
- H3a Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.
- H3b Lombong minyak musnah dan ladang getah terbiar menyebabkan ekonomi Sarawak terjejas.

- H3c Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang musnah dan perlu dibaiki.
- (b) F1 Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941.
- H1a Menurut Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941, pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
- H1b Berdasarkan Perlembagaan 1941, penduduk Sarawak akan dibantu untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
- H1c Tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan.
- H1d Beliau menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri seperti termaktub dalam Perlembagaan 1941.
- F2 Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke.
- H2a Vyner Brooke membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke).
- H2b Golongan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British ingin memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.
- F3 Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat.
- H3a Gerard T. MacBryan menggunakan pelbagai cara dan muslihat.
- H3b Seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.
- (c) F1 Tindakan kekerasan menyebabkan pertumpahan darah.
- F2 Membawa kecederaan, kematian dan penderitaan.
- F3 Hukuman berat akan dikenakan terhadap pesalah.
- F4 Menjejaskan keamanan dan keharmonian.
- F5 Menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi.
- F6 Mengeruhkan hubungan baik dengan kuasa luar.
- F7 Tidak dapat menyelesaikan masalah dan pertikaian.
- F8 Wajar menggunakan kaedah rundingan dan perjanjian damai.
7. (a) F1 Komunis melumpuhkan ekonomi.
- H1a Komunis menggugat keamanan, kestabilan negara dan mencetuskan huru-hara.
- H1b Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis.
- H1c Bertujuan melemahkan ekonomi British.
- H1d 1948–1956, 80 lombong bijih diserang antaranya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.
- H1e Mereka merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja.
- H1e Kesannya, pekerja lombong dan ladang menderita. Kerja harian di lombong dan ladang terganggu dan nyawa terancam.
- F2 Komunis merosakkan infrastruktur.
- H2a Komunis mensabotaj kemudahan asas.
- H2b Terutama sistem pengangkutan dan perhubungan.
- H2c Mereka mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan kereta api.
- H2d Kenderaan di jalan raya ditembak dan dibakar.
- H2e Mensabotaj kemudahan telefon dan telegraf serta merosakkan paip air.

- H2f Menyerang pekerja awam yang bertugas membaiki jalan raya, memasang paip air, membina sistem pengairan dan pekerja yang menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik.
- H2g Hal ini menjejaskan kehidupan harian penduduk tempatan kerana infrastruktur tidak dapat diselenggara dengan baik.
- (b) F1 Mengadakan lawatan.
- H1a Templer mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah dan pandangan mereka.
- H1b Templer melakukan 122 lawatan ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, barisan buruh, lombong, estet dan bersedia menerima perwakilan.
- H1c Melakukan 20 lawatan ke Kampung Baru dan Kampung Melayu.
- H1d Isteri beliau menubuhkan cawangan Palang Merah, Pandu Puteri dan pusat komuniti.
- F2 Memenangi kepercayaan Orang Asli.
- H2a Supaya mereka menyokong kerajaan menghapuskan komunis.
- H2b Mendirikan 14 kubu untuk mendapatkan sokongan Orang Asli.
- H2c Kubu ini menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan.
- F3 Menawarkan hadiah wang tunai.
- H3a Menaikkan jumlah hadiah yang ditawarkan untuk menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis.
- C3a Contohnya, menangkap Chin Peng sama ada hidup atau mati ditawarkan hadiah sebanyak \$250000.
- F4 Melonggarkan syarat kewarganegaraan.
- H4a Bagi menarik sokongan kaum bukan Melayu.
- H4b Pada 14 September 1952, seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 18000 orang India layak menjadi warganegara.
- F5 Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.
- H5a Merupakan pilihan raya tempatan pertama.
- H5b Menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan menentang komunis.
- F6 Memajukan perkhidmatan penerangan.
- H6a Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijadikan medium menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis.
- H6b Jabatan bertanggungjawab menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk dan risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan.
- F7 Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih.
- H7a Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung.
- H7b Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis.
- H7c Sehingga tahun 1954, Melaka, Terengganu, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan diisytiharkan sebagai Kawasan Putih.
- (c) F1 Bekerjasama dan berusaha mempertahankan negara daripada ancaman musuh.
- F2 Amalan muafakat dapat mencapai matlamat.
- F3 Bersatu demi keamanan dan keharmonian negara.
- F4 Bertanggungjawab menjaga keselamatan negara.
- F5 Menyokong usaha kerajaan ke arah keamanan.
- F6 Tidak mementingkan kaum sendiri.
- F7 Mengukuhkan perasaan cinta akan negara.
- F8 Mematuhi peraturan dan undang-undang negara.
8. (a) (i) F1 Diadakan pada tahun 1956.
- F2 Persediaan awal ke arah berkerajaan sendiri.
- F3 Kawasan Kuching Municipal Council (KMC).
- H3a Kuching dibahagikan kepada 9 kawasan (ward).
- H3b William Tan menjadi Pengerusi pertama KMC.
- H3c Ong Kee Hui sebagai Timbalan KMC.
- F4 Pada tahun 1957, diadakan Sibu Urban District Council (SUDC).
- H4a Sibu dibahagikan kepada 9 kawasan.
- H4b Ting Chew Huat sebagai Pengerusi SUDC.
- H4c John Loo Ling Chong sebagai Timbalan SUDC.
- (ii) F1 Diadakan pada 16 September 1962.
- F2 Pilihan raya kerajaan tempatan pertama di bawah Local Government Election Ordinance.
- F3 118 kawasan (ward) di pihak berkuasa tempatan.
- F4 Setiausaha Kolonial bagi Kerajaan Tempatan selaku Penguasa Pilihan Raya.
- F5 Bertanggungjawab menjalankan pilihan raya tersebut.
- F6 Seramai 202 calon bertanding bagi 118 kawasan.
- F7 Calon di 53 kawasan menang tanpa bertanding.
- (b) F1 Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam.
- F2 Menyambung sistem yang diguna pakai dalam MPP.
- F3 Berasaskan Model Westminster.
- F4 Mengurangkan kuasa pentadbiran British.
- F5 Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.
- F6 Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.
- (c) F1 Memastikan tidak berlaku gejala rasuah.
- F2 Mengatasi isu pembelian undi, penipuan atau pengundi hantu.
- F3 Menambahbaik sistem undian seperti pengenalan dakwat kekal.
- F4 Memastikan proses pilihan raya dijalankan dengan adil dan telus.
- F5 Memastikan tidak terdapat tindakan bersubahat dan paksaan.
- F6 membenarkan keputusan pilihan raya dicabar di mahkamah.
9. (a) (i) F1 Berperanan memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri.
- F2 Bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang kelab Selangor dihiasi lampu.
- F3 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu ditempah khas dari Jepun.
- F4 Pakaian khas, iaitu baju muskat disediakan untuk menteri dan pegawai tinggi kerajaan diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman.
- F5 Kursus khas dianjurkan oleh kerajaan berkaitan dengan protokol diikuti oleh 300 pegawai kerajaan.

- (ii) F1 Menonjolkan identiti negara.
 - F2 Prasarana fizikal disediakan seperti pembinaan stadium yang siap dibina pada 21 Ogos 1957.
 - F3 Penciptaan lagu rasmi kebangsaan, Negaraku.
 - F4 Bendera Persekutuan Tanah Melayu dijadikan bendera kebangsaan.
 - F5 Penggunaan Jata Negara diperkenalkan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957.
 - F6 Pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.
- (b) F1 Memperkenalkan Rancangan Malaya Pertama 1956 – 1960.
- H1a Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.
 - H1b Bertumpu kepada sektor luar bandar.
 - H1c Mempelbagaikan pengeluaran pertanian.
 - H1d Mengurangkan kadar kemiskinan.
 - H1e Dengan menambah peluang pekerjaan.
- F2 Menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).
- H2a Untuk memajukan tanah baharu secara besar-besaran.
 - H2b Bagi tujuan pertanian dan penempatan semula masyarakat.
 - H2c Keluarga dari kawasan luar bandar dipindahkan ke rancangan tanah FELDA
 - H2d Untuk menanam getah atau kelapa sawit.
 - H2e Perumahan dan kemudahan asas disediakan untuk peneroka.
- F3 Mewujudkan institusi kewangan tempatan.
- H3a Menubuhkan Malay National Bank (Bank Kebangsaan Melayu) untuk orang Melayu.

- H3b Bank Negara mula beroperasi bagi menggalakkan kestabilan kewangan.
 - H3c Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi negara.
 - H3d Menubuhkan Kwong Yik Bank di Kuala Lumpur pada tahun 1913.
- F4 Mewujudkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- H4a Untuk membangunkan infrastruktur, sosial dan ekonomi luar bandar.
 - H4b Di peringkat negeri dan daerah, Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan
 - H4c Untuk merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan.
- F5 Melancarkan Rancangan Buku Merah.
- H5a Mengandungi projek berkaitan dengan kemudahan asas
 - H5b Seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan eletrik.
 - H5c Pemantauan dan maklum balas berdasarkan rekod yang terdapat dalam Buku Merah diletakkan di Bilik Gerakan Kemajuan Negara pada peringkat daerah, negeri dan pusat.
- (c) F1 Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.
- F2 Menguasai kemahiran teknologi terkini.
 - F3 Mengutamakan barangan buatan Malaysia.
 - F4 Memiliki sifat kreatif dan inovatif.
 - F5 Membudayakan aktiviti R&D.
 - F6 Berusaha mengharumkan nama negara.
 - F7 Berganding bahu memajukan ekonomi negara.
 - F8 Berani meneroka bidang baharu.
- (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)